

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : MINDA PEMBACA

Pengajaran Wabak Hitam, COVID-19 majukan bidang perubatan

Dr Noraina
Solehah Mohd
Fauzi,
Universiti
Pendidikan
Sultan Idris
(UPSI)

Pandemik COVID-19 melanda dunia, termasuk negara ini dan mengorbankan kira-kira 7 juta umat manusia memberikan iguan ngeri kepada kita semua. Bagaimanapun hampir 700 tahun lalu, ada wabak yang jauh mengerikan, iaitu *Black Death* atau dikenali Wabak Hitam yang melanda Eropah pada abad ke-14 sekitar 1347 hingga 1351.

Wabak ini bermula di pelabuhan Kaffa, Crimea pada 1347 ketika kapal Genoa pulang berdagang dijangkiti penyakit misteri. Wabak Hitam ini disebabkan bakteria *Yersinia pestis* berasal daripada kutu yang hidup pada badan tikus.

Sesiapa menghidap wabak ini akan menunjukkan gejala mengerikan seperti nodus limfa membengkak, demam dengan suhu tinggi dan muntah darah. Pesakit akan meninggal selang beberapa hari selepas gejala pertama muncul.

Wabak ini memberikan kesan dahsyat hingga meragut nyawa 75 hingga 200 juta penduduk Eropah, Asia dan Afrika Utara.

Kekurangan dalam bidang perubatan pada masa itu menyebabkan penyebaran wabak ini berlaku dengan pantas dan meluas. Pengetahuan kurang mengenai penyakit merebak menyebabkan tiada langkah pencegahan.

Langkah kawalan efektif juga masih tiada menyebabkan kebersihan dan sanitasi tidak berada dalam keadaan baik, manakala kekurangan infrastruktur seperti hospital serta peralatan perubatan menyebabkan ramai pesakit tidak mendapat rawatan diperlukan. Faktor ini menyebabkan kadar

kematian tinggi dan menyukarkan usaha mengawal penyebaran wabak.

Namun, sifat manusia yang cepat belajar dan mencari penyelesaian menyebabkan wabak ini membawa perubahan baik dalam perubatan, sekali guna menggalakkan penyelidikan dan pembelajaran dalam bidang itu.

Ramai ahli sains terkenal seperti Ibnu al-Khatib di Sepanyol dan Guy de Chauliac di Perancis mengkaji faktor dan rawatan untuk penyakit menular. Ini membawa kepada peningkatan pengetahuan mengenai kebersihan, sanitasi serta rawatan penyakit membantu mengurangkan kesan wa-

bak pada masa depan.

Sistem pengawasan penyakit

Selepas wabak ini, sistem pengawasan penyakit juga diperkenalkan. Tempat kuarantin mula diwujudkan bagi mengasingkan individu dijangkiti daripada populasi sihat.

Contohnya, bandar Vanice memperkenalkan kuarantin selama 40 hari untuk kapal dan penumpang tiba. Pihak berkuala kesihatan mula menekankan kepentingan suntikan vaksin yang dapat mencegah individu daripada dijangkiti virus bahaya seperti vaksin Hepatitis B, vaksin BCG dan vaksin MMR.

Selain itu, masyarakat dan pihak berkuala mula memberi perhatian lebih serius kepada amalan kebersihan, termasuk mempraktikkan prosedur ketika menjalankan pemeriksaan dan rawatan.

Pelupusan sisa manusia dan haiwan juga lebih teratur untuk mengelakkan penularan penyakit disebabkan bakteria terdedah sekitaran tidak dikenal dengan sempurna.

Wabak Hitam itu bukan sahaja meninggalkan kesan mendalam dalam sejarah, bahkan menjadi sumber pembelajaran penting untuk memahami bagaimana kita boleh bersiap sedia menghadapi ancaman kesihatan serupa pada masa depan seperti pengalaman kita berdepan dengan pandemik COVID-19.

Dengan penekanan betul dalam penyelidikan perubatan, kesedaran awam dan perancangan kesia-agaan, kita dapat mengurangkan kesan buruk daripada wabak pada masa depan.

 **Peningkatan pengetahuan mengenai kebersihan, sanitasi serta rawatan penyakit membantu mengurangkan kesan wabak pada masa depan** 

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NASIONAL

Raja Permaisuri Agong berkenan melawat HOAG

Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah berkenan melawat Hospital Orang Asli Gombak (HOAG), semalam. Ia adalah sebahagian acara sempena Istiadat Pertabalan Sultan Ibrahim sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-17 yang berlangsung dengan penuh adat istiadat dan tradisi di Istana Negara, Sabtu lalu. Keberangkatan tiba Raja Zarith Sofiah disambut isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan isteri Menteri Besar Selangor, Datin Seri Masdiana Muhamad. Baginda mengurnikan sumbangan berjumlah RM30,000 kepada HOAG yang diserahkan kepada pengarhunya, Dr Izandis Mohamad Sayed. Baginda kemudian melaungkan masa setengah jam melawat pesakit di wad HOAG sebelum berangkat pulang. (Foto BERNAMA)



Pembekuan kursus kejururawatan di IPTS tamat Ogos

Keputusan dibuat bagi selesaikan isu kekurangan jururawat berdaftar

Kuala Lumpur: Moratorium atau pembekuan ke atas penawaran kursus pengajian baharu kejururawatan peringkat diploma di institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) sejak 2010 akan ditamatkan mulai 1 Ogos ini.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapha Sakmud, berkata keputusan penamatman itu dibuat oleh Jemaah Menteri pada 5 Julai lalu berikutnya beberapa siri perbincangan antara Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan Kementerian Kesihatan mengenai kekurangan jururawat berdaftar di negara ini.

Beliau berkata penamatman moratorium itu bagi mengatasi kekurangan jururawat yang dipengaruhi beberapa faktor antaranya penurunan jumlah IPTS aktif menawarkan kursus berkenaan di peringkat diploma.

"Penamatman moratorium juga dipengaruhi penurunan pendaftaran jururawat berdaftar dalam kalangan lepasan diploma kejururawatan.

"Negara bakal mengalami kekurangan jururawat berdaftar bagi keperluan jagaan kesihatan dan keperluan populasi pada 2030 sekiranya trend pengambilan pelajar diploma kejururawatan di IPTS dan bilangan pendaftaran jururawat berdaftar kekal menuurun," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara, semalam.

Pastikan penuhi keperluan
Mustapha menjawab soalan Senator Robert Lau Hui Yew yang ingin tahu strategi KPT dalam mengangani masalah kekurangan jururawat yang kronik serta sahada akan membenarkan lebih

banyak IPTS untuk menawarkan kursus kejururawatan.

Mustapha berkata perincian penamatman moratorium itu akan dimaklumkan oleh KPT melalui surat pekeliling yang akan dikeluarkan kepada semua IPTS dalam masa terdekat.

Katanya, moratorium itu dilaksanakan sebelum ini kerana berlaku lambakan penawaran kursus pengajian kejururawatan di IPTS.

"Setelah kajian dibuat dan kalaupun kita tidak buat sesuatu buat masa ini, kita akan alami defisit lebih kurang 62 peratus menjelang 2030, sebab itu, ini antara langkah yang kerajaan buat dan kita akan pastikan jumlah jururawat memenuhi keperluan industri dan populasi," katanya.

BERNAMA

• Penamatman moratorium juga dipengaruhi penurunan pendaftaran jururawat berdaftar dalam kalangan lepasan diploma kejururawatan
IPTS •

Mustapha Sakmud,
Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Seramai 91 murid SK Pulau Gaya alami gejala keracunan makanan

Kota Kinabalu: Jabatan Pendidikan Negeri Sabah mengesahkan seramai 91 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Pulau Gaya, di sini, mengalami gejala keracunan makanan, kelmarin.

Pengaruhnya Datu Rai-sin Saidin berkata, kejadian disedari kira-kira jam 12 tengah hari apabila murid terbabit mengalami muntah-muntah dan beberapa simptom lain.

"Maklumat awal terda-pat lebih 20 murid yang terbabit dalam kes keracunan makanan dan pihak sekolah bertindak segera mengumpul maklumat murid terbabit.

"Beberapa murid dibawa ke Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah (HWKKS) di Likas, selain di Hospital Queen Elizabeth (HQE) dan Klinik Kesihatan Luyang.

"Berikutan insiden itu, pihak sekolah member-hentikan pembekalan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) serta-merta bagi sesi petang," katanya dalam kenyataan, di sini.

Menurutnya, berdasar-kan laporan Unit Hal Ehwal Murid (HEM) Pe-jabat Pendidikan Daerah Kota Kinabalu (PPDKK) mendapati seramai 55 mu-

rid dirawat di HWKKS. Katanya, seramai 25 mu-rid pula menerima rawa-tan di HQE, Klinik Kesihatan Luyang (8), Klinik UTC Kota Kinabalu (1) dan dua lagi di Jeti SAFMA Kota Kinabalu.

"Status kesihatan murid ketika dirawat pada tahap dua dan dalam pemanta-un pihak hospital, ma-nakala tiada kes tahap kri-tikal," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : LOKAL

Raja Permaisuri Agong berkenan lawat Hospital Orang Asli Gombak

Kuala Lumpur: Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah berkenan melaikat Hospital Orang Asli Gombak (HOAG), di sini, semalam.

Lawatan Seri Paduka Baginda adalah sebahagian daripada acara sempena Istiadat Pertabalan Sultan Ibrahim sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-17 yang berlangsung penuh adat istiadat dan tradisi di Istana Negara, Sabtu lalu.

Keberangkatan tiba Raja Zarith Sofiah jam 9.53 pagi disambut isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan isteri Menteri Besar Selangor, Datin Seri Masdiana Muhamad.

Turut mengiringi, Menteri Komunikasi Fahmi Fadil merangkap Menteri Pengurusan Jawatankuasa Khas Acara-Acara Sempena Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-17 dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkifly Ahmad bersama isteri masing-masing.

Pada majlis itu, Dzulkifly menyampaikan sembah ucapan kepada Raja Permaisuri Agong manakan Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) Kementerian Kesihatan (KKM) Datuk Seri Norazman Ayob menyampaikan sembah taklimat berkaitan HOAG kepada Raja Zarith Sofiah.

Seri Paduka Baginda turut berkenan mengurnikan sumbangan RM30,000 kepada HOAG yang diserahkan kepada pengaranya, Dr Izandis Mohamad Sayed.

Selain itu, Raja Permaisuri Agong juga dipersembahkan dengan tarian sidud iaitu tarian suku kaum Mah Meri oleh Kumpulan Main Jo'oh Tompoq Topoh dari Kampung Orang Asli Sungai Bumbun, Pulau Carey, Selangor.

Seri Paduka Baginda kehadiran berkenan meluangkan masa setengah jam melaikat pesakit di wad HOAG sebelum berangkat pulang. - Bernama



RAJA Zarith Sofiah diiringi Dr Wan Azizah (kiri) berkenan menerima cenderahati daripada Dr Dzulkifly ketika melaikat HOAG, semalam.

KKM JAMIN PERKHIDMATAN KESIHATAN RAKYAT

Pastikan komuniti Orang Asli sihat

Gombak

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan sentiasa memastikan komuniti Orang Asli mendapat perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, selari dengan hasrat menjamin kesihatan dan kesejahteraan rakyat.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkifly Ahmad berkata, ia selaras slogan Hospital Orang Asli iaitu 'Komuniti Orang Asli Sihat, Komuniti Orang Asli Sejahtera'.

"Oleh itu, patik berdoa agar Hospital Orang Asli, Gombak (HOAG) ini, seiring dan serangka dengan seluruh fasiliti kesihatan lain seluruh negara, menjadi fasiliti kesihatan contoh."

"Ini pasti memerlukan kerjasama semua pihak, sama ada kerajaan, swasta atau sektor ketiga, selari dengan pendekatan seluruh negara (*whole-of-nation approach*) yang menjadi teras Agenda Nasional Malaysia Sihat," katanya.



TARIAN Sidud iaitu tarian suku kaum Mah Meri oleh Kumpulan Main Jo'oh Tompoq Topoh dari Kampung Orang Asli Sungai Bumbun, Pulau Carey, Selangor dipersembahkan kepada Raja Permaisuri Agong yang berkenan melaikat HOAG, semalam.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan sembah ucapan sempena lawatan Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah ke HOAG di sini, semalam.

Lawatan Seri Paduka Baginda turut berkenan mendengar sembah taklimat daripada Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) KKM Datuk Seri Norazman Ayob.

Terdahulu, Seri Paduka Baginda adalah sebahagian daripada acara sempena Istiadat Pertabalan Sultan Ibrahim sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-17.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NEGARA

91 murid SK Pulau Gaya keracunan makanan

KOTA KINABALU — Jabatan Pendidikan Negeri Sabah mengesahkan seramai 91 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Pulau Gaya di sini mengalami keracunan makanan dan mendapat rawatan di beberapa hospital dan klinik.

Pengaruhnya, Datuk Raisin Saidin berkata, insiden mula dikesan kira-kira pukul 12 tengah hari kelmarin apabila guru mendapat maklumat ada murid mengalami muntah-muntah dan beberapa simptom lain.

Menurutnya, pihak sekolah kemudian membawa murid-murid berkenaan ke Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah (HWKKSS), Likas dan Hospital Queen Elizabeth (HQE) serta Klinik Kesihatan Luyang.

"Berikutnya insiden itu, pihak sekolah memberhentikan pembekalan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) serta-merta bagi sesi petang.

"Sekolah juga menasihatkan ibu bapa dan penjaga agar membawa anak jagaan masing-masing untuk mendapatkan rawatan segera di klinik berhampiran sekiranya terdapat simptom keracunan makanan," katanya.

Jelasnya, status kesihatan murid ketika dirawat ialah pada tahap dua dan dalam pemantauan pihak hospital, manakala tiada kes tahap kritis.

"Jabatan Pendidikan Sabah memohon agar semua ibu bapa dan penjaga melaporkan segera jika ada anak jagaan masing-masing mengalami simptom keracunan makanan," katanya.

Mengulas lanjut, Raisin memaklumkan setakat ini, punca keracunan makanan masih disiasat dan belum dapat diputuskan sama ada daripada makanan di kantin sekolah atau RMT.



SEBAHAGIAN murid dibawa ke Hospital Wanita dan Kanak-kanak Sabah, Likas bagi mendapatkan rawatan semalam.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

Kursus jururawat tamat 1 Ogos ini

KUALA LUMPUR: Moratorium atau pembekuan ke atas penawaran kursus pengajian baharu kejururawatan peringkat diploma di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) akan ditamatkan mulai 1 Ogos ini.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapha Saknud berkata, ia berikutan kekurangan jururawat berdaftar di negara ini, sekali gus keputusan tersebut dibuat Jemaah Menteri pada 5 Julai lalu menerusi beberapa siri perbincangan antara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan Kementerian Kesihatan.

Katanya, penamatan moratorium itu bagi mengatas kekurangan jururawat yang di-

pengaruhi beberapa faktor antaranya penurunan jumlah IPTS aktif menawarkan kursus berkenaan di peringkat diploma. "Penamatan moratorium juga dipengaruhi penurunan pendaftaran jururawat berdaftar dalam kalangan lepasan diploma kejururawatan IPTS.

"Negara bakal mengalami kekurangan jururawat berdaftar bagi keperluan jagaan kesihatan dan keperluan populasi pada 2030 sekiranya trend pengambilan pelajar diploma kejururawatan di IPTS dan bilangan pendaftaran jururawat berdaftar kekal menurun," katanya di Dewan Negara semalam.

Terdahulu, Senator Robert Lau Hui Yew meminta kemen-

terian menjelaskan cara menangani masalah kekurangan jururawat yang kronik serta sama ada akan membenarkan lebih banyak IPTS untuk menawarkan kursus kejururawatan.

Mustapha berkata, perincian penamatan moratorium itu akan dimaklumkan oleh KPT melalui satu surat pekeliling yang akan dikeluarkan kepada semua IPTS dalam masa terdekat.

"Setelah kajian dibuat dan kalau kita tidak buat sesuatu buat masa ini, kita akan alami defisit lebih kurang 62 peratus menjelang 2030, sebab itu, ini antara langkah yang kerajaan buat dan kita akan pastikan jumlah jururawat memenuhi keperluan industri dan populasi," katanya.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NATION

Heart ops come to a halt

Electrical issues at Serdang Heart Centre to blame

By RAGANANTHINI
VETHASALAM
raga@thestar.com.my

PETALING JAYA: Heart surgeries at Serdang Heart Centre have ground to a halt again, slightly over a month after its four non-functional operating theatres underwent major repair works.

Sources said the operating theatres at the new wing had to be closed for three weeks, beginning Monday.

"There were multiple electrical issues. We had to close down the operating theatres for inspection and repairs."

"We are moving back to the old building," a source said.

The closure affected some 50 patients scheduled for heart surgeries. "There are another 1,000 on the waiting list," said the source, adding that all surgeries would be performed at the hospital's old building for now.

Another source said the closure

could be due to tripped circuit breakers.

The Star reported on May 14 that maintenance issues at the 19-month-old cardiac facility in Hospital Serdang had caused its four operating theatres to be unusable, resulting in a long waiting list of over 1,000 patients.

At that time, only one of the operating theatres in the hospital's old building was functioning.

The shut down was a result of maintenance problems, particu-

larly air-conditioning issues.

Since June 5, three of the operating theatres have been put to use.

"All issues related to the temperature and humidity have been resolved," Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad announced on his Facebook two days later.

The RM546mil facility began operations in December 2022. It is one of the country's primary cardiology centres, receiving referrals from all over the nation.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATIONAL

Ministry to ensure quality healthcare for Orang Asli

GOMBAK: Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the government will ensure the Orang Asli community receive quality healthcare services to guarantee the health and well-being of all citizens.

He said this aligns with the Hospital Orang Asli, Gombak (HOAG) slogan "Healthy Orang Asli Community, Prosperous Orang Asli Community".

"I pray HOAG will become a model healthcare facility, in tandem with health facilities nationwide."

"This would require the cooperation of all parties, in line with the whole-of-nation approach that is the cornerstone of the *Agenda Nasional Malaysia Sihat*," he said in his speech during a visit by Her Majesty the Queen of Malaysia Raja Zarith Sofiah to HOAG yesterday.

Her Majesty's visit is part of the events commemorating the installation of His Majesty Sultan Ibrahim as the 17th King of Malaysia.

Earlier, Her Majesty attended a briefing by Health Ministry Deputy Secretary-General (Finance) Datuk Seri Norazman Ayob.

Also present were Communications Minister Fahmi Fadil, who chaired the Special Committee for the King's installation, and his wife Azrina Puteri Mohamed Mahyuddin.

In his briefing, Norazman said HOAG is one of the few indigenous people hospitals in the world and the only Orang Asli hospital in Malaysia.

It was established to provide healthcare services to the Orang Asli community in Peninsular Malaysia, covering Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu and Kelantan.

He added that from 2022 to 2023, HOAG admitted 1,434 Orang Asli patients.

The outpatient unit treated 12,153 patients and the dental clinic treated 3,348.

The non-specialist hospital with a 61 bed capacity offers medicine, public health, dentistry and pharmacy services.

Originally built as the "Rumah Sakit Orang Asli" in 1960 for the Orang Asli community in Peninsular Malaysia, it was renamed the Hospital Orang Asli in 1972.

In 2012, the ministry took over from the Orang Asli Development Department and maintained HOAG as a national referral centre for the community, providing comprehensive healthcare and medical services.

Earlier, Her Majesty arrived accompanied by the prime minister's wife Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail and the Selangor menteri besar's wife Datin Seri Masdiana Muhamad.

Her Majesty also presented a donation of RM30,000 to HOAG director Dr Izandis Mohamad Sayed. - Bernama

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATIONAL

91 students down with food poisoning

KOTA KINABALU: Sabah State Education Department director Datuk Raisin Saidin confirmed there was a case of food poisoning involving 91 students from Sekolah Kebangsaan Pulau Gaya on Monday.

He said the incident was detected at about midday when the teacher informed that there were students experiencing vomiting and other symptoms.

"The initial information obtained was that there were more than 20 students involved in the food poisoning case, before further investigations found that there were others involved," he said in a statement.

He added that those with severe symptoms were taken to Sabah Women and Children's Hospital, Queen Elizabeth I Hospital and the Luyang Health Clinic.

"The school has also stopped the supply of Supplementary Food Programme for the afternoon school session and advised parents or guardians to take their respective children to seek immediate treatment at a nearby clinic if there are symptoms of food poisoning," he said, adding that the cause of the incident is being investigated. – Bernama

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATIONAL

'Beware of calls by fake pharmacy officials'

KOTA BHARU: The Kelantan Health Department has urged the public to remain vigilant against fraudsters posing as pharmacy officials.

Its director Datuk Dr Zaini Hussin said the matter came to light after the Pharmaceutical Service Division received reports of scammers contacting victims and claiming they had committed an offence related to cosmetics regulations and were being sued by the department.

"Those who receive such calls are advised to remain calm and assess whether they have had any prior dealings with the division.

"If they have not, they should ignore the call and refrain from disclosing personal information, such as MyKad number, passport or bank account details."

• Those seeking further verification or inquiries may contact the state division at 09-773 0586.
– Bernama